



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HUMANITIES, PHILOSOPHY  
AND LANGUAGE  
(IJHPL)  
[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



KEBERANIAN DAN PROSES KREATIF DALAM  
KEPENGARANGAN OSMAN AYOB MENERUSI NOVEL  
EMPANGAN TUGAL

*COURAGE AND CREATIVE PROCESS IN OSMAN AYOB'S AUTHORS  
THROUGH EMPANGAN TUGAL NOVEL*

Nurul Husna Mat Nor<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Email: unahusna5234@gmail.com

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 05.03.2020

Revised date: 12.04.2020

Accepted date: 10.09.2020

Published date: 15.09.2020

**To cite this document:**

Mat Nor, N. H. (2020). Keberanian dan Proses Kreatif dalam Kepengarangan Osman Ayob Menerusi Novel Empangan Tugal International Journal of Humanities, Philosophy and Language, 3 (11), 10-18.

DOI: 10.35631/IJHPL.311002.

**Abstrak:**

Makalah ini bertujuan membincangkan keberanian dengan proses kreatif penciptaan novel dalam diri pengarang. Batasan kajian ini adalah mengkaji Novel *Empangan Tugal* karya Osman Ayob. Selain itu, kajian secara kualitatif dan pendekatan kepustakaan ini juga akan membincangkan keberanian dan proses kreatif penciptaan karya tersebut. Menerusi kajian ini dapat menambah dokumentasi kajian yang berkaitan dengan *Teori Rasa-Femenologi* oleh Abdul Aziz. Berdasarkan kepada teori Rasa-Fenomenologi, pengalaman estetik adalah satu pengalaman yang dialami apabila berlaku proses serentak di dalam minda pembaca iaitu emosi tetap pembaca mengalami transformasi menjadi emosi estetik. Kedua, karya sastera mengalami transformasi menjadi objek estetik dan ketiga ialah kesedaran biasa mnagalami transformasi menjadi kesedaran estetik. Analisis kajian ini mendapati Osman Ayob tidak terlepas daripada mengarang novel ini menggunakan proses kreatif. Kajian ini berkisarkan tentang keberanian dan proses kreatif dalam kepengarangan Osman Ayob menerusi novel *Empangan Tugal*. Kajian ini melihat bagaimana nilai keberanian dan proses kreatif dalam kepengarangan Osman Ayob yang digunakan di dalam teks. Pemilihan novel *Empangan Tugal* adalah kerana novel ini banyak memperlihatkan nilai keberanian dalam teks yang berkisarkan tentang kehidupan masyarakat kini.

**Kata Kunci:**

Novel *Empangan Tugal*, *Teori Rasa-Fenomenologi*, Keberanian Proses Kreatif

**Abstract:**

This paper aims to discuss courage with the creative process of creating a novel within the author. The limitation of this study is the study based on the novel *Empangan Tugal* by Osman Ayob's. In addition, this qualitative study and approach to the library will also discuss the bravery and creative process of creating the work. This study is supplemented by the research documentation related to Theory Rasa-Fenomenologi by Abdul Aziz. According to the theory of Rasa-Fenomenologi, aesthetic experience is an experience experienced when a simultaneous process takes place in the mind of the reader. Second, the literary work undergoes transformations into aesthetic objects and the third is the common awareness of transforming into aesthetic consciousness. Analysis of this study found that Osman Ayob did not miss the novel using the creative process. This study focuses on the bravery and creative process of Osman Ayob's authorship through the *Empangan Tugal* novel. This study looks at how the values of bravery and creative processes in Osman Ayob's authorship are used in the text. The selection of the *Empangan Tugal* novel is because this novel highlights the value of courage in the text surrounding the life of the people today.

**Keywords:**

Novel *Empangan Tugal*, *Theory Rasa-Fenomenologi*, Courage With The Creative Process

**Pengenalan**

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mula diperkenalkan untuk membolehkan pelajar menjiwai unsur dan nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan, kewarganegaraan, menanam perasaan bangga dan cinta tanah air dalam satu wawasan budaya kebangsaan.

Sastera berkembang mengikut perubahan zaman dan tuntutannya. Keadaan ini memberi kesan terhadap erti sastera kepada kehidupan manusia. Kesusasteraan mencerminkan masyarakat dan budaya serta merupakan manifestasi kesenian melalui media massa yang kreatif dan diolah dengan keindahan yang kaya dengan nilai estetik. Terdapat pelbagai definisi yang diberikan untuk memberi makna kepada kata 'kesusasteraan'. Namun pengkaji telah menyimpulkan erti kesusasteraan sebagai ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Peranan utama sastera ialah membina insaniah dalam kehidupan manusia.

Sastera adalah sebagai seismograf kehidupan, iaitu sastera bukan sahaja mencatatkan malah menganalisis perihal manusia dan masyarakat. Melalui sastera, banyak yang dapat dipelajari. Menurut beliau lagi, sastera sangat penting dalam kehidupan masyarakat untuk menerapkan nilai unsur nilai murni. Melalui sastera juga masyarakat juga dapat mempelajari sejarahnya untuk meningkatkan kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Beliau turut meletakkan sastera lebih tinggi berbanding dengan sejarah kerana pada pandangannya sastera dapat meramalkan masa hadapan sesebuah masyarakat itu. Oleh itu, berdasarkan pandangannya, dapat dilihat bahawa sastera mampu menembusi sebarang batas kemungkinan. Kemungkinan

sastera dapat melihat masa hadapan masyarakat ada hubungannya dengan keupayaan sastera untuk memberikan kebijaksanaan kepada pembacanya agar pembaca dapat menilai dirinya dan persekitarannya.

Karya sastera merupakan hasil karya manusia baik lisan mahupun tulisan yang menggunakan bahasa sebagai media pengantar dan memiliki nilai estetika. Sastera merupakan suatu hasil imaginasi dan kreativiti penulis yang dihasilkan dalam bentuk tulisan. Penulis meluahkan imaginasi dan kreativiti serta idea-idea yang dimiliki oleh penulis untuk menghasilkan sebuah karya yang memberi manfaat kepada pembaca. Meluahkan idea tersebut tidaklah semudah yang difikirkan, seorang penulis haruslah mempunyai tahap kreativiti yang tinggi dalam menyusun sederet kalimat. Namun, kreativiti itu tidak sahaja dituntut dalam usaha melahirkan pengalaman batin dalam bentuk karya sastera, tetapi lebih dari itu. Novel merupakan salah satu bentuk dari karya sastera.

### Objektif Kajian

Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif kajian yang ingin digariskan. Objektif yang dilakukan ini adalah untuk mengetahui dengan lebih tepat dan terperinci tentang kajian yang ingin dijalankan. Antara objektif yang ingin dilakukan adalah:

- i. Menenalpasti nilai keberanian yang terdapat dalam novel *Empangan Tugal*.
- ii. Menenalpasti proses kreatif yang digunakan oleh pengarang Osman Ayob dalam novel *Empangan Tugal*.
- iii. Menghubungkan nilai keberanian dengan proses kreatif dalam kepengarangan Osman Ayob.

### Persoalan Kajian

Apabila membicarakan sesebuah karya sastera, pelbagai persoalan boleh ditimbulkan. Namun, memandangkan kajian ini agak spesifik sifatnya, kajian ini sebolehnya mencuba untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i) Apakah keberanian yang terdapat dalam novel *Empangan Tugal* ?
- ii) Apakah proses kreatif yang terdapat dalam novel *Empangan Tugal* ?
- iii) Sejauhmanakah nilai keberanian dapat dikaitkan dengan proses kreatif menerusi kepengarangan Osman Ayob?

### Batasan Kajian

Batasan kajian dalam kajian ini adalah berdasarkan novel *Empangan Tugal* karya Osman Ayob. Kajian ini berkisarkan tentang keberanian dan proses kreatif dalam kepengarangan Osman Ayob menerusi novel *Empangan Tugal*. Kajian ini melihat bagaimana nilai keberanian dan proses kreatif dalam kepengarangan Osman Ayob yang digunakan di dalam teks. Pemilihan novel *Empangan Tugal* adalah kerana novel ini banyak memperlihatkan nilai keberanian dalam teks yang berkisarkan tentang kehidupan masyarakat kini.

Hadijah Johari (2018), Osman Ayob dilahirkan pada 18 April 1951 di Kampung Alur Gelenggang, Sungai Daun, Yan, Kedah. Dikenali sebagai Osman Ayob dan mula mencipta nama sebagai penulis apabila cerpennya bertajuk “Detik yang Tergugat” memenangi hadiah pertama dalam Sayembara Cerpen ESSO-GAPENA III pada tahun 1981. Walaupun beliau sering memenangi hadiah tetapi kemenangannya pada tahun tersebut begitu memberi erti terhadap kariernya.

Pendidikan awal Osman dari Sekolah Kebangsaan Bukit Besar dan pelajaran menengahnya pula diperoleh di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah dari tahun 1964 hingga 1967. Kemudian Osman meninggalkan kampung kelahirannya dan merantau ke Kuala Lumpur. Di sini, beliau mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan secara persendirian dan beliau lulus pada tahun 1977.

Di Kuala Lumpur, Osman berkhidmat sebagai kerani di Ibu Pejabat Hal-Ehwal Orang Asli Malaysia pada tahun 1976. Selepas itu, pada tahun 1979 beliau bertukar ke Jabatan Ukur Kedah/Perlis dan memegang jawatan sebagai juruteknik. Pada penghujung tahun 1976, Osman berpindah kerja ke Jabatan Telekom Malaysia (kini Telekom Malaysia Berhad) sebagai Pegawai Trafik.

Beliau mula meminati sastera ketika berada di tingkatan lima. Pada waktu itu beliau mula menulis rencana-rencana ringan dan disiarkan dalam Majalah Filem, iaitu pada sekitar tahun 1970-an. Bakatnya diasuh melalui karya yang disumbangkan dalam ruangan “Apa Pendapat Saudara”, terbitan majalah yang sama. Ruangan ini menjadi semacam latihan kepada Osman untuk mengasah bakatnya dalam bidang penulisan.

Setelah Osman berasa yakin bahawa beliau mempunyai bakat menulis dan menguasai bidang rencana, beliau cuba pula menghasil cerpen. Ternyata beliau juga berkebolehan dalam genre ini dan cerpen pertamanya yang berjudul “*Membawa Damai*” telah tersiar dalam Berita Minggu pada 23 Mac 1975. Sehingga kini, beliau telah menghasilkan kira-kira 80 buah cerpen yang tersiar dalam pelbagai akhbar dan majalah tanah air. Setelah berjaya dalam penulisan rencana dan cerpen, Osman mencuba nasib menulis novel pula. Warna Sebuah Lembah merupakan novelnya yang terhasil daripada susah senang hidup di bandarraya Kuala Lumpur. Selain itu, Osman turut menghasilkan beberapa buah novel remaja kanak-kanak. Antaranya ialah Wira Malam, Hati yang Terguris dan Meniti Impian.

Sepanjang penglibatannya dalam kegiatan penulisan kreatif, Osman pernah memenangi hadiah pertama dalam Sayembara Cerpen ESSO-GAPENA III pada tahun 1981 dengan cerpen yang berjudul “Detik yang Tergugat”. Novelnya Meniti Impian, mendapat tempat kedua dalam Peraduan Sayembara Novel Remaja ASASI - kerajaan Negeri Kedah pada 1991. Osman juga sering mendapat hadiah sagu hati dalam Peraduan Cerpen Berunsur Islam anjuran Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1979 dan 1983, Hadiah Sastera Utusan–Public Bank (1990) dan tempat ketiga dalam Sayembara Novel Yayasan Sabah/GAPENA tahun 1990 dengan novel Meniti Impian.

### **Tinjauan Literatur**

Terdapat kajian lalu yang berkaitan dengan nilai keberanian dan proses kreatif dalam kepengarangan Osman Ayob menerusi novel Empangan Tugal. Kajian lepas yang pertama berkaitan dengan kajian adalah bertajuk “Proses Kreativiti A.Samad Said Berasaskan Teori Teksdalisme” yang dilakukan oleh Abdul Halim Ali (2011). Kajian ini dilakukan untuk memahami proses kreativiti Sasterawan Negara iaitu A.Samad Said.

Berdasarkan kajian ini, proses kepengarangan A.Samad Said berada atas landasan yang sejajar dengan empat peringkat yang dicadangkan oleh Teori Teksdalisme, iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan peringkat individualiti. Proses kepengarangan beliau itu sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pengamalan beliau daripada hanya seorang anak sebuah

keluarga yang menerima bahana peperangan, kemudian menjadi seorang pendengar cerita lisan yang setia, pembaca buku yang tekal hinggalah menjadi novelis, penyair, cerpenis dan akhir ditabal sebagai Sasterawan Negara. Objektif kajian ini ialah untuk memahami proses kreatif Sasterawan Negara A.Samad Said berasaskan teori Teksdealisme. Selain itu, analisis dalam makalah ini juga akan mengenalpasti dan menghuraikan kehadiran perkaraperkara penting dalam setiap peringkat dan hubungannya dengan proses kreatif A.Samad Said menghasilkan karya kreatif.

Kajian seterusnya adalah kajian yang dilakukan oleh Ghazali Din (2016) yang bertajuk “*Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Proses Kreatif Teksnaluri*”. Kajian ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan dan pengaruh elemen naluri dalam kepengarangan Muhammad Haji Salleh. Kajian secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kerja lapangan ini menganalisis sebanyak 10 buah kumpulan puisi Muhammad Haji Salleh yang mengandungi 742 buah sajak dengan menggunakan Model Proses Kreatif Teksnaluri. Model ini dibangunkan sebagai sebuah kerangka konsep bagi memperjelaskan pengaruh elemen naluri dalam kepengarangan seseorang pengarang. Terdapat tujuh elemen naluri yang menjadi teras untuk memahami peranan naluri dalam kepengarangan pengarang iaitu Naluri Kerohanian, Naluri Kemanusiaan, Naluri Kemasyarakatan, Naluri Keindividualan, Naluri Keintelektualan, Naluri Kealaman dan Naluri Keindahan. Hasil analisis ke atas 742 sajak dalam 10 kumpulan puisi ini menemukan kehadiran elemen naluri yang secara dominan mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam proses kreatifnya.

Seterusnya, kajian bertajuk “*Proses Kreatif Muhidin M Dahlan dalam Menulis Novel Jalan Sunyi Seorang Penulis*” yang dilakukan oleh Nafilah (2014) di Universiti Negeri Yogyakarta. Objektif kajian ini adalah untuk menerangkan tentang penulisan proses kreatif Muhidin M Dahlan dalam memilih tema, watak dan latar belakang novel Jalan Sunyi Seorang Penulis. Kajian ini menggunakan sumber data sekunder dan primer. Penyelidikan ini merupakan pendekatan ekspresif yang berkaitan dengan proses kreatif pengarang. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif.

Kajian lepas seterusnya yang berkaitan dengan tajuk ialah “*Proses Kreatif Eddie Cahyono dalam Penciptaan Film Siti*” yang dilakukan oleh Widhi Nugroho (2017). Kajian ini adalah untuk mengkaji karya kreatif pengarang filem yang mengangkat martabat seorang perempuan yang bernama Siti. Kajian ini juga meliputi proses mencari idea, tema, tetapan cerita, konflik cerita untuk menjadi senario untuk filem Siti. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui faktor yang membentuk sikap kreatif pengarang dalam menghasilkan skrip dan mengarahkan filem Siti.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian terhadap keberanian dan proses kreatif dalam kepengarangan Osman Ayob melalui novel *Empangan Tugal* menggunakan *Teori Rasa-Femenomenologi* memberi banyak manfaat atau kepentingan kepada orang ramai khususnya kepada para pelajar dan juga guru. Unsur keberanian yang ditonjolkan oleh Osman Ayob memberikan impak yang begitu besar dalam sesebuah karya untuk lebih menarik dan mempunyai nilai estetika yang lebih indah.

Melalui kajian ini diharapkan mampu memupuk semangat kecintaan terhadap kesusasteraan terutamanya dalam novel. Apabila semangat kecintaan dapat dipupuk terutamanya dalam

kalangan pelajar maka sastera akan lebih diminati oleh para pelajar dan secara tidak langsung akan dapat melahirkan pelapis yang lebih berpengetahuan. Semangat kecintaan terhadap sastera seharusnya dipupuk semenjak dari awal lagi dan peranan ibu bapa, masyarakat, dan juga juga sangat penting untuk memupuk semangat kecintaan terhadap sastera dalam kalangan pelajar. Peranan ibu bapa, guru dan masyarakat sangat memainkan peranan supaya pelajar lebih awal diberikan pendedahan terhadap sastera dan secara tidak langsung perasaan cinta terhadap sastera mampu dipupuk.

Amalan membaca perlu dipupuk supaya mereka mengetahui bahan-bahan berkaitan pendidikan dan pembelajaran bahkan juga berkaitan ilmu kehidupan sebagaimana yang terkandung dalam karya sastera yang terbahagi kepada beberapa genre seperti puisi, drama dan novel. Masyarakat kini acapkali mengatakan bahawa membaca adalah perkara yang membosankan. Namun sebenarnya membaca dapat memperolehi banyak faedah apabila kita membaca karya sastera. Jelaslah bahawa membaca karya sastera memberikan faedah yang baik dan hal ini perlu terus dipupuk agar rakyat negara ini terus berjaya kerana 'bangsa membaca, bangsa berjaya'.

Selain itu juga, kepentingan kajian mampu mempengaruhi atau menyakinkan pembaca atau pendengar. Hal ini bermakna, apabila seorang pembaca itu membaca sesebuah novel yang dibaca olehnya, pembaca tersebut akan lebih yakin terhadap apa yang disampaikan oleh penulis atau pembaca. Malah, ia juga mampu menciptakan keadaan perasaan hati tertentu, iaitu dapat membawa pembaca hanyut dalam suasana hati tertentu, seperti kesan baik atau buruk, senang atau sedih, dan yang lainnya setelah menangkap apa yang dikemukakan penulis.

Kepentingan yang seterusnya adalah pembaca secara tidak langsung akan mengenali teknik-teknik penulisan serta keragaman bahasa yang diperlukan untuk menghasilkan karya yang bermutu bagi menarik minat pembaca. Teknik penulisan karya ataupun penulisan sangat penting dalam melahirkan karya yang lebih bermutu melalui kajian terhadap proses kreatif yang dikaji oleh pengkaji.

### **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menyokong teori rasa-fenomenologi dalam novel *Empangan Tugal*. Kaedah kualitatif bukan sahaja tertumpu kepada pengutipan maklumat malah berusaha memperoleh maklumat yang berkualiti. Robson (2011), kajian kualitatif adalah sebagai reka bentuk kajian anjal kerana reka bentuk kajian kualitatif tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian. Menurut Robson, reka bentuk kajian kualitatif berkembang, membangun dan 'terbuka' seiring dengan kemajuan kajian. Kajian kualitatif adalah kajian berkaitan persoalan atau pernyataan. Kajian kualitatif biasanya mengguna persoalan seperti, bagaimana, apa, dan mengapa. Kajian kualitatif melibatkan penakulan induktif bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu.

Melalui kajian ini, pengkaji telah melakukan kajian menggunakan kaedah kepustakaan di Perpustakaan Tunku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beberapa buah jurnal telah digunakan bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan proses kreatif. Bagi menjalankan kajian terhadap keberanian dan proses kreatif dalam kepengarangan, pengkaji atau penyelidik perlulah memulakan langkah pertama dengan membuat banyak rujukan ke atas buku-buku rujukan ataupun jurnal yang berkaitan dengan proses kreatif.

Analisis teks adalah kajian yang dilakukan dalam teks yang ingin dikaji. Teks yang ingin dikaji adalah novel *Empangan Tugal* karya Osman Ayob. Melalui teks ini, pengkaji cuba untuk mengkaji tentang unsur keberanian dalam novel *Empangan Tugal*. Keberanian yang terdapat dalam teks akan dikaitkan dengan proses kreatif yang digunakan oleh pengarang semasa menulis karyanya.

Berdasarkan novel *Empangan Tugal*, terdapat banyak unsur keberanian yang diterapkan dalam watak-watak yang terdapat di dalam novel *Empangan Tugal*. *Empangan Tugal* mengisahkan bagaimana penduduk kampung cuba untuk menolak pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan di kampung mereka. Malah, novel ini juga memperlihatkan proses kreatif Osman Ayob sebagai pengarang yang cuba menyampaikan mesej melalui novel *Empangan Tugal*. Dalam analisis teks, pengkaji turut menggunakan borang analisis keberanian untuk mendapatkan data.

Temu bual didefinisi sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual merupakan intraksi bersemuka antara penemu bual / penyelidik dengan responden. Temu bual dikategori kepada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur (Chua Yan Piaw, 2011). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual bersama pengarang iaitu Osman Ayob untuk mendapatkan data tentang kajiannya.

### **Teori Rasa-Fenomenologi**

*Teori Rasa-Fenomenologi* dikemukakan oleh Sohaimi Abdul Aziz, seorang sarjana dan pensyarah di Universiti Sains Malaysia. Dalam teori ini, Sohaimi percaya bahawa karya kesusasteraan Melayu kaya dengan estetik. Berdasarkan kepada teori Rasa-Fenomenologi, pengalaman estetik adalah satu pengalaman yang dialami apabila berlaku proses serentak di dalam minda pembaca iaitu emosi tetap pembaca mengalami transformasi menjadi emosi estetik. Kedua, karya sastera mengalami transformasi menjadi objek estetik dan ketiga ialah kesedaran biasa mengalami transformasi menjadi kesedaran estetik. Oleh itu, kajian ini adalah untuk memperlihatkan tentang penggunaan teori rasa-fenomenologi di dalam novel *Empangan Tugal*. Sasterawan Negara iaitu Profesor Emeritus Dato' Dr Shahnun Ahmad (1994) telah menegaskan bahawa sastera adalah sebagai seismograf kehidupan, iaitu sastera bukan sahaja mencatatkan malah menganalisis perihal manusia dan masyarakat.

*Teori Rasa-Fenomenologi* memperlihatkan tujuh jenis ekspresi sastera dan di antara tujuh ekspresi sastera itu, rasa dasyat, rasa kagum, rasa duka, rasa berang dan rasa benci merupakan lima ekspresi sastera yang bertenaga dibangunkan oleh pengarang. Kelima-lima ekspresi sastera ini juga adalah manifestasi pengalaman estetik yang berkesan.

### **Keberanian Dan Proses Kreatif dalam Kepengarangan Osman Ayob Menerusi Novel Empangan Tugal**

Keberanian dan proses kreatif yang ada dalam diri setiap pengarang mampu membuktikan keberkesanan sesebuah karya yang dihasilkan. keberanian dan proses kreatif yang ditunjukkan melalui karya *Empangan Tugal* yang dihasilkan oleh Osman Ayob membuktikan bahawa kedua-dua elemen ini sangat penting dalam menghasilkan sesebuah karya yang mampu memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca selaras dengan teori yang digunakan oleh pengarang iaitu teori *Rasa-Fenomenologi*.

Novel *Empangan Tugal* mengisahkan tentang sebuah Empangan Tugal yang menenggelamkan Kampung Jeram, Kampung Ketitir, Kampung Enggang, Kampung Merbau dan Kampung Parit Pandak. Dengan tenggelamnya semua khazanah dalam kampung tersebut, musnahlah jua flora dan fauna yang memukau dan tiada gantinya. Rata-rata penduduk kampung tidak menolak pembangunan, namun apabila pembangunan meminta mereka mengorbankan kehidupan tradisi yang diwarisi turun temurun, timbullah tentangan yang tidak berbelah bagi, baik dalam kalangan ahli parti kerajaan, Parti Perpaduan Bangsa (PBB) mahupun parti pembangkang; Parti Seruan Maulana (PSM). Namun baik apa pun tindakan diambil, keputusan kerajaan tidak dapat dikalahkan. Projek Empangan Tugal tetap berjalan mengikut jadual. Setiap tentangan berjaya dipatahkan kerana kerajaan dengan perancangan rapi telah menyediakan kemudahan kepada semua penduduk di sebuah penempatan baharu yang lengkap dengan segala prasarana.

Berdasarkan novel *Empangan Tugal*, pengarang menunjukkan keberanian dalam mengarang karya yang mengkritik tentang pemimpin rakyat. Contohnya, ahli parti kerajaan, Parti Perpaduan Bangsa (PBB) mahupun parti pembangkang iaitu Parti Seruan Maulana (PSM). Bukan sahaja keberanian pengarang yang dikaji dalam kajian ini, malah proses kreatif yang digunakan oleh pengarang juga mampu mengangkat novel ini pada tahap yang lebih tinggi.

Dalam novel *Empangan Tugal*, pengarang banyak menggunakan proses kreatif yang dikaitkan dengan *Teori Rasa-Fenomenologi* yang melibatkan emosi pembaca. Berdasarkan kepada *Teori Rasa-Fenomenologi*, pengalaman estetik adalah satu pengalaman yang dialami apabila berlaku proses serentak di dalam minda pembaca iaitu emosi tetap pembaca mengalami transformasi menjadi emosi estetik berbanding kajian lepas banyak pengkaji yang mengkaji proses kreatif namun tidak menggunakan *Teori Rasa-Fenomenologi* sebagai teori kajiannya. Contohnya, kajian yang dilakukan oleh Ghazali Din (2016) yang bertajuk "*Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Proses Kreatif Teks naluri*". Kajian ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan dan pengaruh elemen naluri dalam kepengarangan Muhammad Haji Salleh. Oleh itu, pengkaji cuba menerapkan teori *Rasa-Fenomenologi* sebagai teori utama dalam kajian.

Selain itu, teknik penulisan Osman Ayob telah menjadi satu faktor yang sangat penting kepada pembentukan korelatif-korelatif objektif yang berkesan dan dapat memberi pengalaman estetik yang ampuh kepada pembaca. Malah, novel merupakan genre yang berjaya dieksploitasikan oleh pengarang dengan berkesan berbanding dengan cerpen dan drama.

### **Kesimpulan**

Kajian ini telah memperlihatkan bahawa peranan seorang pengarang sangat penting dalam menghasilkan teks yang bermutu. Kajian yang dilakukan ke atas novel *Empangan Tugal* karya Osman Ayob dapat membuka mata pembaca dan juga orang ramai supaya dapat menyedari bahawa betapa pentingnya nilai keberanian dan proses kreatif di dalam penggunaan teks sesebuah karya. Jelaslah bahawa kajian ini memerlukan cabaran di mana pengkaji perlu memainkan peranan penting untuk mendalami proses kreatif pengarang secara lebih dekat bukan sekadar berdasarkan novel. Malah, pengkaji boleh mengembangkan lagi proses kreatif melalui proses pembelajaran bagi menjana pemikiran kreatif murid khususnya dalam bidang sastera.

Oleh itu, kajian ini mampu menjadi sumber rujukan bagi pengkaji akan datang berkaitan dengan proses kreatif. Malah, proses kreatif yang diterapkan oleh pengarang akan menjadikan



sesebuah teks dipandang tinggi oleh masyarakat. Nilai keberanian dan proses kreatif ini memperlihatkan kemampuan penulis untuk mencipta karya yang baik serta dimuatkan di dalam pelbagai ruangan seperti majalah, jurnal, akhbar dan sebagainya. Malah, pengkarya-pengkarya juga berjaya menonjolkan mesej-mesej keberanian dengan penggunaan pelbagai gaya bahasa dalam penjalinan plotnya.

### Rujukan

- Abdul Halim Ali. (2007). *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*. Tanjong Malim. Penerbit UPSI.
- Abdul Halim Ali. (2010). *Estetika Bersepadu: Analisis dan terapan terhadap puisi-puisi Ahmad Kamal Abdullah*. Tesis ijazah kedoktoran, Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Halim Ali (2005). *Jurnal Teori Sastera*. Diperolehi daripada: <http://jurnalteori.webs.com/kamusteori.htm>
- Amida Abdulhamid (2008). *Rangkaian falsafah dalam analisis sastera*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Daft, R.L. 2000. *Management*. 4<sup>th</sup> Edition. Fort Worth: The Dryden Press.
- Dicapai dari laman web <http://journalarticle.ukm.my/2924/1/11.pdf>
- Findley, Paul. (2006). *Diplomasi Munafik Zionis Israel*. Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Hadijah Johari. (2018). *Dakwah Islamiah Menerusi Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah. Kedah.
- Jim Supangkat dan Rizki Akhmad Zaelani. (2006). *Ikatan silang budaya: Seni serat Biranul Anas*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Mana Sikana. (1996). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Rahman Shaari (2002). *Bimbingan istilah sastera*. Kuala Lumpur: utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya*. Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Shannon Ahmad. (1994). *Sastera: Pengalaman, Ilmu, Imaginasi dan Kitarannya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Chamamah Soeratno. (1994). *Pengantar Teori Filologi*. Yogyakarta: BPPF Fakultas Sastera Universiti Gadjah Mada.
- Zainal Abidin Ahmad (1965). *Satu Tinjauan Mengenai Aspek Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.